

03 SEP 2001

ALI-PELAN INDUK

20 PERATURAN PELAN INDUK PASARAN MODAL SIAP

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Lebih 20 peratus cadangan yang digariskan dalam Pelan Induk Pasaran Modal telah siap atau lengkap sebahagiannya sejak ia dilancarkan enam bulan lalu, kata pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Datuk Ali Abdul Kadir hari ini.

"Selain itu, kerja-kerja sedang diteruskan bagi 27 peratus lagi cadangan yang sedang dijalankan seperti pendidikan dan latihan yang tiada tarikh akhir yang jelas untuk disiapkan," katanya.

Lebih daripada suku cadangan itu yang tamat tempoh menjelang hujung fasa pertama (2001-2003) Pelan Induk berkenaan telah siap atau sebahagiannya siap manakala 20 peratus lagi masih dilaksanakan, kata beliau.

"Anda boleh dijamin yang usaha-usaha kukuh dan teratur telah diambil untuk melaksanakan cadangan-cadangan pelan induk itu dan satu jadual yang komprehensif dan perkembangan terperinci sedang dipantau dengan lebih dekat," kata Ali pada Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2001 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Pelan Induk Pasaran Modal, yang dilancarkan pada Februari tahun ini, mengandungi wawasan serampang tiga mata, enam objektif, 24 inisiatif strategik dan 152 cadangan.

Ali berkata penubuhan satu bursa Malaysia tunggal merupakan keutamaan penting dalam Pelan Induk itu.

Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE) dan Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMMEX) selesai proses penggabungan mereka pada Jun tahun ini dan ia membawa kepada pembentukan Malaysia Derivatives Exchange Bhd (MDEX).

Jun tahun ini juga menyaksikan pemeteraian perjanjian persefahaman antara BSKL dan MESDAQ berkaitan cadangan penggabungan.

Ali berkata adalah menjadi pendirian SC yang keseluruhan proses itu kekal dipacu oleh pihak utama yang terlibat iaitu bursa-bursa, suruhanjaya komited ke arah pelaksanaan itu apabila perlu untuk dipercepatkan.

--BERNAMA

LES SHY NHD